

# UTUSAN BORNEO SARAWAK

## 29 MEI 2013

### Sejarah tentera pengaman M'sia di Somalia perlu jadi panduan generasi muda

GOLONGAN muda digesa supaya menjadikan sejarah tentera pengaman Malaysia di Somalia 20 tahun lalu sebagai sumber rujukan dan

panduan bagi menghargai perjuangan pasukan

keselamatan negara. Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia Daresah Ismail berkata perjuangan dan semangat pasukan Tentera Malaysia atau dikenali

Malaysian Battalion (MALBATT) perlu menjadi teladan agar pengorbanan mereka sentiasa dihargai. "Sumbangan cemerlang mereka (MALBATT) telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa dan kekal tercatat bukan sahaja dalam sejarah negara ini tetapi juga sejarah pasukan pengaman di peringkat antarabangsa. "Saya berharap pengkisahan ini dapat memberi gambaran sebenar peristiwa penting sewaktu mereka berada di sana agar pengalaman mereka dapat didokumentasikan untuk rujukan generasi kini dan akan datang.

Beliau berkata demikian dalam majlis Pengkisahan Sejarah Tentera Pengaman Malaysia di Somalia, di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Tiga bekas anggota MALBATT di Somalia yang hadir di majlis itu adalah Mejar Jeneral (B) Datuk Mohd Rozi Baharom, Kolonel Mohd Halim Khalid dan Mejar (B) Abd Aziz Abd Latif. Ketika menceritakan pengalamannya, Mohd Rozi berkata sikap perikemanusiaan dan ikatan persahabatan perlu ada pada setiap pejuang atau wira negara agar keselamatan negara tidak terganggu.

"Semangat juang yang tinggi menyebabkan Amerika Syarikat memanggil anggota MALBATT menyelamatkan pasukan itu (Amerika Syarikat) di Pasar Bakara, Mogadishu pada 3 Oktober 1993. Anggota kita memainkan peranan penting dalam membantu menyelamatkan tentera Amerika yang diserang di pasar tersebut sehingga mengorbankan nyawa salah seorang anggota MALBATT kita," katanya. Beliau berkata kisah pertempuran ini telah difilemkan melalui filem *Black Hawk Down* namun peranan tentera Malaysia dalam filem tersebut

tidak ditekankan oleh pihak Amerika Syarikat. Mohd Halim pula berkata nilai kepimpinan dan keberanian yang tinggi perlu dipupuk dalam diri seseorang wira negara bagi menghadapi cabaran terutamanya semasa berada di medan perang. "Sewaktu di Somalia, saya terlibat dengan dua pertempuran besar dengan militia Somalia, iaitu sewaktu melindungi pegawai perundangan United Nations Operation in Somali (UNOSOM II) di Benadir Supreme Court dan sewaktu menyelamatkan pasukan tentera Amerika Syarikat di Pasar Bakara," kata anak kelahiran Perak itu. — Bernama



IMBAS SEMULA: Mohd Rozi (dua kiri) menceritakan kisah pengalamannya berkhidmat sebagai tentera pengaman Malaysia di Somalia pada majlis di Kuala Lumpur baru-baru ini. — Bernama

